

Guna kad bank orang telah meninggal, lelaki dipenjara tiga bulan

KUCHING: Padah secara tidak jujur membelanjakan wang RM 724.59 menggunakan kad bank milik orang yang telah meninggal dunia, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara tiga bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Nelson Jawan Lapok, 40, selepas dia mengaku bersalah apabila didakwa atas dua pertuduhan, masing-masing dibuat di bawah Seksyen 424 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Ling mengarahkan tertuduh dijatuhi hukuman penjara tiga bulan bagi setiap pertuduhan dihadapinya, berkuat kuasa semalam.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, dia didakwa mengalihkan wang milik mangsa dalam dua kejadian berasingan iaitu pada 9 dan 10 November, masing-masing dilakukannya di kedai serbaneka di Muara Tuang dan di Kota Sentosa, di sini.

Fakta kes mendedahkan

pada 10 November 2024, pengadu iaitu adik kepada pemilik wang tersebut telah menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada pihak bank di telefon milik adik pengadu yang dilaporkan sudah meninggal dunia.

SMS tersebut menyatakan terdapat lima transaksi secara paywave melalui kad debit bank milik mendiang adik pengadu walhal kad bank tersebut telah dilaporkan hilang semasa adiknya terlibat kemalangan pada 5 November 2024.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada pengakapan tertuduh pada 4 Januari 2025.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh secara tidak jujur telah membelanjakan wang dari akaun bank milik mendiang adik pengadu dan membeli barang dalam dua kejadian berasingan, membabitkan wang berjumlah RM407.69 dan RM316.90.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.